



7 Mei 2014  
7 May 2014  
P.U. (A) 125

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT  
GAZETTE*

PERATURAN-PERATURAN PERKHIDMATAN BOMBA  
(PEGAWAI BOMBA BANTUAN) 2014

*FIRE SERVICES (FIRE AUXILIARY OFFICER)  
REGULATIONS 2014*



DISIARKAN OLEH/  
PUBLISHED BY  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PERKHIDMATAN BOMBA 1988

PERATURAN-PERATURAN PERKHIDMATAN BOMBA  
(PEGAWAI BOMBA BANTUAN) 2014

---

SUSUNAN PERATURAN

---

Peraturan

1. Nama
2. Tafsiran
3. Pelantikan Pegawai Bomba Bantuan
4. Latihan
5. Cuti bagi latihan atau tugas
6. Larangan membuang pekerja atas alasan latihan atau tugas
7. Peletakan jawatan Pegawai Bomba Bantuan
8. Pembatalan pelantikan Pegawai Bomba Bantuan
9. Tugas dan kuasa Pegawai Bomba Bantuan
10. Elaun
11. Disiplin
12. Hak untuk merayu
13. Pakaian seragam, tanda pangkat dan kad pengenalan diri
14. Pakaian seragam, tanda pangkat dan kad pengenalan diri hendaklah dikembalikan apabila terhenti menjadi Pegawai Bomba Bantuan
15. Arahan Tetap Ketua Pengarah
16. Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948

JADUAL PERTAMA

JADUAL KEDUA

AKTA PERKHIDMATAN BOMBA 1988

PERATURAN-PERATURAN PERKHIDMATAN BOMBA  
(PEGAWAI BOMBA BANTUAN) 2014

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 62(1)(f) Akta Perkhidmatan Bomba 1988 [*Akta 341*], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

**Nama**

1. Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Perkhidmatan Bomba (Pegawai Bomba Bantuan) 2014**.

**Tafsiran**

2. Dalam Peraturan-Peraturan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“Akta” ertinya Akta Perkhidmatan Bomba 1988 [*Akta 341*];

“Ketua Pengarah” mempunyai erti yang diberikan kepadanya di bawah seksyen 2 Akta;

“Menteri” ertinya Menteri yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi Jabatan Bomba dan Penyelamat.

**Pelantikan Pegawai Bomba Bantuan**

3. (1) Seseorang boleh memohon kepada Ketua Pengarah untuk dilantik sebagai Pegawai Bomba Bantuan jika—

(a) dia berumur lapan belas tahun dan ke atas;

(b) dia merupakan seorang warganegara; dan

(c) dia bukan anggota Angkatan Tentera Malaysia atau mana-mana pasukan atau skim sukarela yang ditubuhkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis.

(2) Permohonan di bawah subperaturan (1) hendaklah dibuat dalam suatu borang sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah.

(3) Apabila permohonan itu dibuat, Ketua Pengarah boleh, dengan persetujuan Menteri, melantik atau enggan untuk melantik orang yang disebut dalam subperaturan (1) sebagai Pegawai Bomba Bantuan.

(4) Apabila pelantikan itu dibuat, Ketua Pengarah hendaklah mengeluarkan suatu perakuan pelantikan sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Pertama kepada Pegawai Bomba Bantuan.

### **Latihan**

4. (1) Apabila suatu perakuan pelantikan di bawah subperaturan 3(4) dikeluarkan kepada Pegawai Bomba Bantuan, Ketua Pengarah boleh menghendaki Pegawai Bomba Bantuan itu untuk menjalani apa-apa latihan yang perlu yang difikirkan sesuai oleh Ketua Pengarah bagi tugas-tugas yang dia mungkin dipanggil untuk melaksanakannya.

(2) Walau apa pun subperaturan (1), Ketua Pengarah boleh mengecualikan Pegawai Bomba Bantuan daripada menjalani latihan itu.

### **Cuti bagi latihan atau tugas**

5. (1) Tiap-tiap majikan hendaklah, jika mana-mana orang dalam penggajiannya yang merupakan seorang Pegawai Bomba Bantuan dipanggil untuk menjalani latihan atau tugas di bawah Peraturan-Peraturan ini, memberi orang itu cuti selama tempoh latihan atau tugas itu untuk membolehkan orang itu menjalani latihan atau tugas itu.

(2) Tempoh latihan atau tugas hendaklah tidak melebihi sepuluh hari bekerja pada satu-satu masa.

- (3) Tiada seorang majikan pun boleh—
- (a) tertakluk kepada subperaturan (4), membuat atau menyebabkan dibuat apa-apa pemindahan atau pemotongan tidak wajar daripada gaji, saraan lain atau cuti tahunan orang itu;
  - (b) mengenakan atau menyebabkan dikenakan ke atas, atau menuntut daripada, orang itu apa-apa penalti; atau
  - (c) mengubah terma dan syarat pekerjaan orang itu dengan memudaratkannya,

semata-mata oleh sebab dia tidak hadir bekerja semasa tempoh latihan atau tugas itu.

(4) Seseorang majikan yang termasuk dalam takrif Akta Kerja 1955 [*Akta 265*], Ordinan Buruh Sabah [*Bab 67*] atau Ordinan Buruh Sarawak [*Bab 76*] boleh memotong gaji atau saraan lain orang yang menjalani latihan atau tugas di bawah subperaturan (1).

- (5) Seseorang majikan yang—
- (a) secara langsung atau tidak langsung enggan atau, dengan ugutan, pengaruh tidak wajar atau dalam apa-apa cara lain, mengganggu pemberian tempoh cuti yang dikehendaki di bawah subperaturan (1) kepada mana-mana orang; atau
  - (b) melanggar subperaturan (3),

melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

(6) Mahkamah yang mensabitkan seorang majikan dengan suatu kesalahan di bawah subperaturan (5) bagi pelanggaran subperaturan (3) boleh memerintahkan majikan itu supaya membayar kepada orang yang disebut dalam subperaturan (3) gaji dan saraan lain yang orang itu berhak kepadanya semasa tempoh latihan atau tugas itu.

### **Larangan membuang pekerja atas alasan latihan atau tugas**

6. Tiap-tiap majikan yang membuang kerja seseorang yang merupakan seorang Pegawai Bomba Bantuan daripada penggajiannya atas alasan utama orang itu dipanggil untuk menjalani latihan atau tugas di bawah Peraturan-Peraturan ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

### **Peletakan jawatan Pegawai Bomba Bantuan**

7. (1) Pegawai Bomba Bantuan boleh pada bila-bila masa meletakkan jawatan sebagai Pegawai Bomba Bantuan dengan memberikan notis bertulis yang bermaksud sedemikian kepada Ketua Pengarah.

(2) Ketua Pengarah, apabila menerima notis di bawah subperaturan (1), hendaklah menyampaikan suatu notis kepada Pegawai Bomba Bantuan yang meletak jawatan itu memaklumkan bahawa dia telah dilepaskan daripada menjadi Pegawai Bomba Bantuan dan sesudah itu orang itu hendaklah terhenti menjadi Pegawai Bomba Bantuan.

(3) Seseorang yang terhenti menjadi Pegawai Bomba Bantuan di bawah subperaturan (2) hendaklah, dalam masa empat belas hari selepas dia terhenti menjadi Pegawai Bomba Bantuan, menyerahkan perakuan pelantikan yang dikeluarkan kepadanya di bawah Peraturan-Peraturan ini.

### **Pembatalan pelantikan Pegawai Bomba Bantuan**

8. Ketua Pengarah boleh membatalkan pelantikan mana-mana Pegawai Bomba Bantuan jika—

(a) dia mati;

- (b) telah dibuktikan terhadapnya, atau dia telah disabitkan atas, suatu pertuduhan berkenaan dengan—

  - (i) suatu kesalahan yang melibatkan fraud, kecurangan atau keburukan akhlak;
  - (ii) suatu kesalahan di bawah mana-mana undang-undang yang berhubungan dengan rasuah; atau
  - (iii) apa-apa kesalahan yang berhubungan dengan jenayah;
- (c) kelakuannya, sama ada yang berkaitan dengan tugasnya sebagai Pegawai Bomba Bantuan atau selainnya, ialah kelakuan yang memburukkan nama Jabatan Bomba dan Penyelamat;
- (d) dia menjadi bankrap;
- (e) dia tidak sempurna akal atau selainnya tidak berupaya menunaikan tugasnya;
- (f) dia telah melanggar mana-mana peruntukan Peraturan-Peraturan ini;
- (g) dia telah melanggar mana-mana peruntukan tatasusila Pegawai Bomba Bantuan sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah;
- (h) dia telah melanggar mana-mana peruntukan Arahan Tetap yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah;
- (i) dia telah memberikan dokumen atau maklumat yang palsu, mengelirukan atau tidak tepat dalam permohonannya di bawah peraturan 3; atau
- (j) peletakan jawatannya diterima oleh Ketua Pengarah.

### **Tugas dan kuasa Pegawai Bomba Bantuan**

9. (1) Tugas Pegawai Bomba Bantuan hendaklah termasuk—

(a) mengambil langkah yang sah bagi—

(i) memadam, menentang, mencegah, dan mengawal kebakaran; dan

(ii) melindungi nyawa dan harta sekiranya berlaku kebakaran; dan

(b) melaksanakan khidmat kemanusiaan, termasuk perlindungan nyawa dan harta semasa berlakunya apa-apa bencana.

(2) Pegawai Bomba Bantuan boleh, sebagai tambahan kepada tugas-tugas di bawah subperaturan (1), melaksanakan apa-apa tugas lain yang diarahkan dari semasa ke semasa oleh Ketua Pengarah.

(3) Dalam melaksanakan tugasnya, Pegawai Bomba Bantuan hendaklah mempunyai kuasa yang sama yang diperuntukkan di bawah seksyen 18 dan 19 Akta.

### **Elaun**

10. Pegawai Bomba Bantuan yang sedang bertugas atau dalam latihan hendaklah dibayar elaun sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Kedua.

### **Disiplin**

11. Pegawai Bomba Bantuan hendaklah mematuhi tatasusila Pegawai Bomba Bantuan sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah.

### **Hak untuk merayu**

12. Mana-mana orang yang terkilan dengan pembatalan pelantikan sebagai Pegawai Bomba Bantuan di bawah peraturan 8 boleh, dalam masa dua puluh satu hari dari tarikh pemberitahuan pembatalan itu, merayu secara bertulis kepada Menteri, yang

keputusannya mengenai perkara itu adalah muktamad.

**Pakaian seragam, tanda pangkat dan kad pengenalan diri**

13. Pegawai Bomba Bantuan hendaklah dibekalkan dengan pakaian seragam, tanda pangkat dan kad pengenalan diri sebagaimana yang ditetapkan oleh Menteri dalam mana-mana peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta.

**Pakaian seragam, tanda pangkat dan kad pengenalan diri hendaklah dikembalikan apabila terhenti menjadi Pegawai Bomba Bantuan**

14. (1) Apabila Pegawai Bomba Bantuan terhenti daripada menjadi Pegawai Bomba Bantuan dia hendaklah, dalam masa dua puluh satu hari, menyerahkan kepada Pengarah Negeri pakaian seragam, tanda pangkat dan kad pengenalan dirinya yang dibekalkan kepadanya.

(2) Pegawai Bomba Bantuan yang melanggar subperaturan (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

**Arahan Tetap Ketua Pengarah**

15. Ketua Pengarah boleh mengeluarkan suatu arahan pentadbiran yang dipanggil sebagai "Arahan Tetap" yang selaras dengan Akta atau Peraturan-Peraturan ini tentang kawalan, tugas dan latihan am Pegawai Bomba Bantuan.

**Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948**

16. Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948 [*Akta 198*] hendaklah terpakai bagi apa-apa tindakan, guaman, pendakwaan atau prosiding terhadap Ketua Pengarah atau mana-mana Pegawai Bomba Bantuan berkenaan dengan apa-apa perbuatan, pengabaian atau keingkaran yang dibuat atau dilakukan olehnya dengan suci hati atau apa-apa peninggalan olehnya dengan suci hati, atas sifat demikian.

JADUAL PERTAMA

[subperaturan 3(4)]

PERAKUAN PELANTIKAN PEGAWAI BOMBA BANTUAN

No. Siri : .....  
 Nama : .....  
 No. Kad Pengenalan : .....  
 Pangkat : .....  
 Alamat : .....  
 .....

Kamu dengan ini dilantik sebagai Pegawai Bomba Bantuan di bawah Peraturan-Peraturan Perkhidmatan Bomba (Pegawai Bomba Bantuan) 2014, dan adalah berkebolehan untuk melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang ditetapkan di bawah Peraturan-Peraturan ini.

Tarikh: .....

.....  
*Ketua Pengarah Bomba dan Penyelamat*

JADUAL KEDUA

[peraturan 10]

ELAUN

<i>Pangkat</i>	<i>Kadar</i>
Pegawai	RM7.80/jam
Lain-Lain	RM6.00/jam

Dibuat 29 April 2014  
 [KPKT/PUU/(S)/8/05 ]ld.2; PN(PU2)471/VI]

DATUK ABDUL RAHMAN DAHLAN  
*Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan  
 Kerajaan Tempatan*

FIRE SERVICES ACT 1988

FIRE SERVICES (FIRE AUXILIARY OFFICER) REGULATIONS 2014

---

ARRANGEMENT OF REGULATIONS

---

Regulation

1. Citation
2. Interpretation
3. Appointment of an Auxiliary Fire Officer
4. Training
5. Leave for training or duty
6. Prohibition of dismissal of employees by reason of training or duty
7. Resignation of an Auxiliary Fire Officer
8. Revocation of appointment of an Auxiliary Fire Officer
9. Duties and powers of an Auxiliary Fire Officer
10. Allowance
11. Discipline
12. Right to appeal
13. Uniform, rank markings and identification card
14. Uniform, rank markings and identification card to be delivered upon ceasing to be an Auxiliary Fire Officer
15. Director General's Standing Orders
16. The Public Authorities Protection Act 1948

FIRST SCHEDULE

SECOND SCHEDULE

FIRE SERVICES ACT 1988

FIRE SERVICES (AUXILIARY FIRE OFFICER) REGULATIONS 2014

IN exercise of the powers conferred by paragraph 62(1)(f) of the Fire Services Act 1988 [*Act 341*], the Minister makes the following regulations:

**Citation**

1. These regulations may be cited as the **Fire Services (Auxiliary Fire Officer) Regulations 2014**.

**Interpretation**

2. In these Regulations, unless the context otherwise requires—

“the Act” means the Fire Services Act 1988 [*Act 341*];

“Director General” has the meaning assigned to it under section 2 of the Act;

“Minister” means the Minister charged with the responsibility for Fire and Rescue Department.

**Appointment of an Auxiliary Fire Officer**

3. (1) A person may apply to the Director General to be appointed as an Auxiliary Fire Officer if—

(a) he is eighteen years old and above;

(b) he is a citizen; and

(c) he is not a member of the Armed Forces of Malaysia or any force or volunteer scheme established under any written law.

(2) An application under subregulation (1) shall be made in a form as determined by the Director General.

(3) Upon such application, the Director General may, with the concurrence of the Minister, appoint or refuse to appoint the person referred to in subregulation (1) as an Auxiliary Fire Officer.

(4) Upon such appointment, the Director General shall issue a certificate of appointment as specified in the First Schedule to an Auxiliary Fire Officer.

### **Training**

4. (1) Upon the issuance of certificate of appointment under subregulation 3(4) to an Auxiliary Fire Officer, the Director General shall require the Auxiliary Fire Officer to undergo any necessary training which the Director General thinks fit for the duties which he may be called upon to perform.

(2) Notwithstanding subregulation (1), the Director General may exempt an Auxiliary Fire Officer from undergoing such training.

### **Leave for training or duty**

5. (1) Every employer shall, if any person in his employment who is an Auxiliary Fire Officer is called up for training or duty under these Regulations, grant such person leave for the duration of the period of the training or duty to enable him to undergo such training or duty.

(2) The period of training or duty shall not exceed ten working days at any one time.

(3) No employer shall—

(a) subject to subregulation (4), make or cause to be made any undue transfer or deduction from the pay, other remuneration or annual leave of such person;

(b) impose or cause to be imposed upon, or exact from, such person any penalty; or

- (c) change the terms and conditions of the employment of such person to his prejudice,

solely by reason of his absence from work during the period of training or duty.

(4) An employer who is within the definition of the Employment Act 1955 [Act 265], the Sabah Labour Ordinance [Cap. 67] or the Sarawak Labour Ordinance [Cap. 76] may deduct the pay or other remuneration of such person who undergoes the training or duty under subregulation (1).

(5) An employer who—

- (a) directly or indirectly refuses or, by intimidation, undue influence or in any other manner, interferes with the granting to any person of the period of leave required under subregulation (1); or

- (b) contravenes subregulation (3),

commits an offence and shall, on conviction, be liable to a fine not exceeding one thousand ringgit or imprisonment for a term not exceeding six months or to both.

(6) The court which convicts an employer for an offence under subregulation (5) for the contravention of subregulation (3) may order the employer to pay to the person referred to in subregulation (3) the pay and other remuneration to which that person is entitled during the period of training or duty.

### **Prohibition of dismissal of employees by reason of training or duty**

6. Every employer who dismisses a person who is an Auxiliary Fire Officer from his employment mainly by reason of the person being called up for training or duty under these Regulations commits an offence and shall, on conviction, be liable to a fine not exceeding one thousand ringgit or imprisonment for a term not exceeding six months or to both.

**Resignation of an Auxiliary Fire Officer**

7. (1) An Auxiliary Fire Officer may at any time resign as an Auxiliary Fire Officer by giving written notice to the effect to the Director General.

(2) The Director General, upon receipt of the notice under subregulation (1), shall serve a notice on the Auxiliary Fire Officer resigning informing him that he has been discharged from being an Auxiliary Fire Officer and thereupon such person shall cease to be an Auxiliary Fire Officer.

(3) A person who has ceased to be an Auxiliary Fire Officer under subregulation (2) shall, within fourteen days after he ceases to be an Auxiliary Fire Officer, surrender the certificate of appointment issued to him under these Regulations.

**Revocation of appointment of an Auxiliary Fire Officer**

8. The Director General may revoke the appointment of any Auxiliary Fire Officer if—

- (a) he dies;
- (b) there has been proved against him, or he has been convicted of, a charge in respect of—
  - (i) an offence involving fraud, dishonesty or moral turpitude;
  - (ii) an offence under any law relating to corruption; or
  - (iii) any other offence relating to criminal;
- (c) his conduct, whether in connection with his duties as an Auxiliary Fire Officer or otherwise, has been such as to bring discredit to the Fire and Rescue Department;
- (d) he becomes a bankrupt;

- (e) he is of unsound mind or is otherwise incapable of discharging his duties;
- (f) he has contravened any provision of these Regulations;
- (g) he has breached any provision of the code of conduct as the Director General may determine;
- (h) he has breached any provision of the Standing Orders issued by the Director General;
- (i) he has provided false, misleading or inaccurate documents or information in his application under regulation 3; or
- (j) his resignation is accepted by the Director General.

**Duties and powers of an Auxiliary Fire Officer**

9. (1) The duties of an Auxiliary Fire Officer shall include—

- (a) the taking of lawful measures for—

  - (i) extinguishing, fighting, preventing, and controlling fires; and
  - (ii) protecting life and property in the event of a fire; and
- (b) performing humanitarian services, including the protection of life and property in any calamity.

(2) An Auxiliary Fire Officer may, in addition to his duties under subregulation (1), perform such other duties as may be directed from time to time by the Director General.

(3) In performing his duties, an Auxiliary Fire Officer shall have the same powers provided under sections 18 and 19 of the Act.

**Allowance**

10. An Auxiliary Fire Officer who is on duty or training shall be paid an allowance as prescribed in the Second Schedule.

**Discipline**

11. An Auxiliary Fire Officer shall abide by the code of conduct of an Auxiliary Fire Officer as determined by the Director General.

**Right to appeal**

12. Any person who is aggrieved by the revocation of appointment as an Auxiliary Fire Officer under regulation 8 may, within twenty-one days from the date of notification of the revocation, appeal in writing to the Minister, whose decision shall be final.

**Uniform, rank markings and identification card**

13. An Auxiliary Fire Officer shall be supplied with uniform, rank markings and identification card as prescribed by the Minister in any regulations made under the Act.

**Uniform, rank markings and identification card to be delivered upon ceasing to be an Auxiliary Fire Officer**

14. (1) When an Auxiliary Fire Officer ceases to be an Auxiliary Fire Officer he shall, within twenty-one days, deliver to the State Directors his uniform, rank markings and identification card which has been supplied to him.

(2) An Auxiliary Fire Officer who contravenes subregulation (1) commits an offence and shall, on conviction, be liable to a fine not exceeding one thousand ringgit or imprisonment for a term not exceeding six months or to both.

**Director General's Standing Orders**

15. The Director General may issue administrative orders to be called "Standing Orders" which are consistent with the Act or these Regulations on the general control, duties and training of an Auxiliary Fire Officer.

**The Public Authorities Protection Act 1948**

16. The Public Authorities Protection Act 1948 [*Act 198*] shall apply to any action, suit, prosecution or proceedings against the Director General or any Auxiliary Fire Officer in respect of any act, neglect or default done or committed by him in good faith or any omission by him in good faith, in such capacity.

FIRST SCHEDULE

[subregulation 3(4)]

CERTIFICATION OF APPOINTMENT OF AN AUXILIARY FIRE OFFICER

Serial No. : .....  
 Name : .....  
 Identification Card No. : .....  
 Rank : .....  
 Address : .....  
 : .....

You are hereby appointed as an Auxiliary Fire Officer under the Fire Services (Auxiliary Fire Officer) Regulations 2014, and are competent to carry out the duties and obligations prescribed in these Regulations.

Date:.....

.....  
*Director General of Fire and Rescue*

SECOND SCHEDULE

[regulation 10]

ALLOWANCE

<i>Ranks</i>	<i>Rates</i>
Officer	RM7.80/hour
Others	RM6.00/hour

Made 29 April 2014  
 [KPKT/PUU/(S)/8/05 Jld.2; PN(PU2)471/VI]

DATUK ABDUL RAHMAN DAHLAN  
*Minister of Urban Wellbeing, Housing and  
 Local Government*